

Kerajaan perlu sediakan infrastruktur pendidikan terbaik

Oleh NOR KHALILAH GUSTI HASSEN

KUANTAN

Kerajaan bertanggungjawab untuk memastikan semua universiti awam dan institusi pendidikan lain memiliki infrastruktur terbaik dengan tenaga pengajar serta pentadbir berkualiti supaya dapat melahirkan modal insan yang cemerlang.

Beritah ketika melancarkan Program Jom Masuk IPT 2020 Zon 2, Pemangku Raja Pahang, Tengku Hassanal Ibrahim Alam Shah Al-Sultân Abdullah menggesa pihak kementerian dan universiti untuk memberi fokus kepada kebolehpasaran graduan.

"Jangan hanya mengejar kuantiti, sebaliknya utamakan kualiti supaya ia dapat memenuhi kehendak para kerja kelak."

"Teori akademik yang diajarkan dalam kelas juga mestilah diseimbangkan dengan praktikal," titah baginda di Kompleks Sukan Universiti Malaysia Pahang (UMP) Kampus Gambang di sini semalam.

Tengku Hassanal bertutur, kerajaan Persekutuan khususnya Kementerian Pendidikan (KPM) dan Jabatan Pendidikan Tinggi perlu memberikan perhatian serius kepada keperluan pembangunan infrastruktur UMP sepanjang pelaksanaan Rancangan Malaysia ke-12 (RMK-12).

Titah baginda, keperluan infrastruktur yang moden dan ke hadapan adalah pen-



FOTO: UMP MALAYSIA

Tengku Hassanal (empat dari kanan) merasmikan Program Jom Masuk IPT 2020 Zon 2 di Kompleks Sukan UMP Kampus Gambang di Kuantan semalam.

Tengku Hassanal lancar Jom Masuk IPT

ting bagi menjamin persekitaran yang kondusif untuk mahasiswa menuntut ilmu.

"Pembangunan modal insan yang berbilang tinggi merupakan nadi kepada pembangunan negara pada masa hadapan."

"Bakal graduan juga perlu mewarib peluang yang tersedia pada hari ini untuk memiliki kuasa pengajian yang bersesuaian dengan minat dan pasaran kerja."

"Elakkan sindrom 3K iaitu kuliahan, kafetaria dan katil. Pencapaian akademik yang cemerlang sahaja tidak lagi menjadi ikat dan jaminan untuk mendapat pekerjaan pada masa hadapan," titah baginda.

Sementara itu, Naib Canselor UMP, Profesor Ir Dr Wan Azhar Wan Yusoff Wan Azhar berkata, sesungguhnya objektif utamanya sebagai medium penghubung sektor pendidikan tinggi dengan komuniti program Jom Masuk IPT 2020 Zon 2 menyaksikan penyertaan lebih 100 pempamer daripada pelbagai institusi dan agensi penyedia pendidikan tinggi untuk manfaat lebih 25,000 pelajar.

lepasan sekolah, guru, ibu bapa dan orang ramai yang disasarkan sebagai pengunjung.

Menurutnya, dengan ruang dan peluang yang disediarkan itu, pihak pengajar, pelajar dan lepasan sekolah yang menjadi kumpulan sasaran utama karnival itu akan dapat membuat keputusan yang tepat mengenai pilihan IPT serta kursus yang bersesuaian untuk melanjutkan pengajaran dan seterusnya merealisasikan cita-cita kerjaya mereka pada masa hadapan.

Lancar portal

Pengarah Bahagian Kemaskinian Pelajar IPTA Jabatan Pendidikan Tinggi, Wahid Nor di bawah berkata, program Jom Masuk IPT mula dijalankan pada tahun 2004 dan merupakan *signature programme* KPM.

Menurutnya, pada tahun lalu berlaku 199,000 permohonan ke IPTA dan Institusi Latihan Kelebihan Awam (ILKA) diterima dengan 138,000 daripadanya ditawarkan untuk melanjutkan pelajaran ke universiti awam, politeknik, kolej komuniti dan ILKA bagi pelajar lepasan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM).

"Tahun ini kita mengajangkannya karnival seumpama ini di lapan zon lagi dan ini merupakan kali kedua."

"Kita juga akan adakan pertambahan permohonan kerana setiap karnival dianggarkan sekitar 20,000 hingga 25,000 pengunjung hadir," katanya.

Sementara itu, Timbalan Canselor (Akademik dan Antarabangsa), Profesor Ts Dr Mohd Rosli Hainin berkata, program berkenaan mampu me-



Melur Fatini (kiri) dan Nurul Izzah Batrisyia Md Razali pada program Jom Masuk IPT Zon 2 di Kompleks Sukan UMP Kampus Gambang, Kuantan semalam.

Platform dapatkan maklumat kursus diminati

PELAJAR Matrikulasi Pahang, Melur Fatini Suhaimi, 19, berkata, program Jom Masuk IPT adalah peluang untuknya mengetahui jenis kursus yang boleh disertai untuknya melanjutkan pelajaran ke peringkat yang lebih tinggi.

"Saya datang untuk mendapatkan maklumat mengenai jurusan bioteknologi dan syarat kemasukannya."

"Alhamdulillah, ada beberapa universiti yang mjenadi pilihan dan saya akan memohon menerusi talian seperti yang ditetapkan," katanya.

Sementara itu, Nurul Izzah Batrisyia Md Razali, 20, yang merupakan graduan Matrikulasi Pahang berkata, dia mahu melanjutkan pelajaran dalam bidang bioteknologi sekitar September depan selepas tamat pengajaran pada April ini.

Menurutnya, program Jom Masuk IPT membantunya membuat keputusan dalam memilih jurusan terbaik pada masa hadapan.

"Saya seronok datang hari ini (semalam) kerana me mudahkan urusan saya untuk memohon masuk ke universiti nanti," katanya.

nyediakan peluang pekerjaan dalam pasaran menjelang Revolusi Perindustrian 4.0 (IR 4.0)

"Mulai Sesi Akademik 2020/2021, UMP menawarkan sebanyak enam program diploma dan 36 program Sarjana

Muda termasuk program Ijazah Sarjana Muda Teknologi bagi menyediakan pelajaran yang kompeten dan mahir dalam bidang teknikal serta memenuhi keperluan industri," kata beliau.



Wahid (kiri) dan Mohd Rosli pada sidang akhbar Program Jom Masuk IPT Zon 2 di Kompleks Sukan UMP Kampus Gambang, Kuantan semalam.